

BAB II

LANDASAN TEORI KEPIMPINAN ISLAM

2.1. Pengenalan

Manusia dijadikan oleh Allah (s.w.t.) mempunyai sifat semulajadi sebagai makhluk sosial, oleh yang demikian manusia tidak mungkin dapat hidup seorang diri tanpa saling ketergantungan antara satu dengan yang lainnya, kerana sesungguhnya manusia mempunyai keperluan hidup yang berbeza antara satu dengan yang lainnya. Maka untuk memenuhi segala keperluannya tersebut, manusia mestilah sentiasa saling berinteraksi dan berhubung antara sesamanya. Hasil dari interaksi tersebut, akan muncul beberapa sifat semulajadi seperti sifat perbezaan pendapat, sifat keinginan pada sesuatu benda yang ingin dicapai atau dimiliki, sifat ingin menguasai, dan banyak lagi sifat-sifat yang lainnya yang akan timbul sepanjang proses interaksi tersebut berlaku.

Natijah daripada beberapa sifat tersebut di atas, akan timbul beberapa konflik dikalangan sesama mereka sendiri, seperti pertikaian, penindasan, peperangan, dan pembunuhan yang boleh membawa kepada berlakunya pertumpahan darah, yang akan berimpak juga kepada berlakunya kebinasaan secara menyeluruh dalam pelbagai aspek kehidupan umat manusia itu sendiri¹, sepertimana Firman Allah (s.w.t.):

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي
عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan buruk mereka, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).

Sūrah al-Rūm (30): 41

¹ Muhammad Diyā al-Dīn al-Rais (1976), *al-Nazariyyāt al-Siyāsiyyah al-Islāmiyyah*, c. 7. Kaerah: Maktabah Dār al-Turāth, h. 135

Walau bagaimanapun, beberapa sifat negatif tersebut di atas dapat dihindari, jika terdapat satu kepimpinan yang adil dan bijaksana mengikut lunas-lunas hukum syarak. Oleh yang demikian, maka kepimpinan Islam merupakan salah satu jawapannya, kerana secara amnya, kepimpinan juga merupakan salah satu unsur yang tidak dapat dihindari dalam kehidupan bermasyarakat, dan ianya juga merupakan satu fitrah manusia untuk sentiasa membentuk sebuah komuniti. Maka kewujudan seorang pemimpin ditengah-tengah sebuah komuniti akan menjadi sesuatu yang mustahak, untuk dijadikan rujukan, ikutan dan suri teladan oleh anggota bawahannya. Oleh yang demikian, maka seorang pemimpin mestilah ia seseorang yang mempunyai visi dan misi untuk diketengahkan ke dalam sesebuah kelompok tertentu, seperti organisasi ataupun sesebuah pertubuhan. Kerana jika suatu organisasi atau pertubuhan yang diketuai oleh seorang pemimpin tidak mempunyai visi dan misi, maka sesungguhnya ia telah membubarkan organisasi yang dipimpinnya tersebut.

Perkara tersebut berlaku sehingga ke dalam peraturan sesebuah negara tertentu, kerana hanya orang yang disebut pemimpin sahaja yang mempunyai kuasa dan layak untuk mengatur, mentadbir dan mengarahkan semua anak buahnya untuk melakukan perkara-perkara yang berhubungkait dengan kepentingan negara. Sejarah teori kepimpinan membuktikan bahawa kepimpinan yang dipraktikan dalam Islam adalah merupakan model terbaik. Model kepimpinan yang dimaksud ialah model kepimpinan Rasulullah (s.a.w.) atau *Prophetic Leadership*, ia merupakan satu contoh model kepimpinan yang teragung dan yang teramat berjaya yang pernah wujud sepanjang sejarah kemanusiaan di muka bumi ini.²

² Michael H. Hart (1989), *The 100: A Ranking of The Most Influential Persons in History*. Kuala Lumpur: Golden Book Centre. Sdn. Bhd, h. 39.

Teori kepemimpinan dalam Islam amat jelas, ianya dapat dibuktikan sama ada melalui dalil-dalil al-Qur'an, al-Sunnah mahupun hujah-hujah aqliyyah. Terdapat dua ratus lapan puluh tiga istilah kepemimpinan atau istilah yang membawa pengertian yang sama dengan pemimpin dalam al-Qur'an³, di antara ayat yang menyentuh perkara tersebut seperti firman Allah (s.w.t.) dalam Surah al-Baqarah Ayat 30 yang bermaksud: *“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi ini”*. Sementara kepemimpinan di dalam hadith Rasulullah (s.a.w.) menurut satu penulisan terdapat tiga ratus tujuh puluh buah hadith, sama ada yang berhubungkait dengan perlantikan, tanggungjawab pemimpin, tanggungjawab umat terhadap pemimpin, kelakuan pemimpin dan lain sebagainya⁴.

Contoh-contoh realiti kepemimpinan telahpun banyak ditonjolkan oleh baginda Rasulullah (s.a.w.), seperti cara dan kaedah Rasulullah mengubah kepercayaan dan membangunkan kehormatan kaumnya. Malah, sebelum baginda terpilih menjadi Nabi dan Rasul, baginda telahpun digelar dengan *al-amīn* yang bermakna jujur dan boleh dipercayai. Di antara sifat kebijaksanaan dan kejujuran baginda yang ditunjukkan seperti ketika baginda menyelesaikan masalah perletakkan semula Hajar Aswad ke dalam ka'bah selepas ia direnovasi disebabkan kerosakan yang teruk⁵.

³ Hasan bin Bahrom (1992), *Kepimpinan Dalam Islam Menurut Pendapat Ahl al-Sunnah dan al-Syi'ah*, (Tesis Sarjana Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya Kuala Lumpur), h. 7

⁴ Majid 'Ali Khan (1982), *The Pious Caliphate*. Kuwait: Islamic Book Publisher, h. 6

⁵ Pada tahun 606 M, ketika Nabi Muhammad (s.a.w.) berusia 35 tahun, Ka'bah mengalami kebakaran besar sehingga perlu dibina semula oleh baginda dan kabilah-kabilah yang terdapat di Mekah ketika itu. Ketika pembangunan Ka'bah tersebut selesai, dan Hajar Aswad hendak diletakkan kembali ke tempatnya semula, maka terjadilah perebutan di antara kalangan kabilah tentang siapa yang paling layak dan berhak untuk meletakkan batu tersebut di tempatnya. Melihat keadaan yang berlaku ketika itu, maka Abū Umayyah bin Mughīrah sebagai orang yang tertua dari kalangan suku Ma'zūm telah mengajukan satu cadangan, bahawa yang berhak untuk meletakkan Hajar Aswad di tempatnya semula ialah orang yang pertama sekali memasuki pintu Şafa keesokan harinya. Lihat Mahdi Rizquallah Ahmad (2006), *Biografi Rasulullah: Sebuah Studi Analitis Berdasarkan Sumber-Sumber Yang Otentik*. Yessi HM Basyaruddin (terj.), c.1. Jakarta: Qisthi Press., h. 162-165; Imām Abu al-

Kisah tersebut berlaku ketika semua orang daripada berbagai puak bertelagah antara satu dengan yang lainnya untuk memilih siapakah orang yang paling berhak untuk meletakkan semula Hajar Aswad ke tempat asalnya, dan akhirnya masalah itupun berjaya diselesaikan dengan cara aman tanpa ada pihak yang merasa dirugikan, iaitu ketika baginda dipilih menjadi hakim untuk menyelesaikan masalah tersebut. Cara tindakan yang dilakukan baginda ketika itu, iaitu Beliau mengambil sehelai kain selendangnya, kemudian Hajar Aswad beliau letakkan di tengah-tengan selendang tersebut, kemudian beliau meminta kepada seluruh pemuka kabilah yang tengah berselisih faham tersebut untuk memegang pada setiap hujung selendang untuk bersama-sama mengangkat Hajar Aswad untuk diletakkan semula ke Ka'bah, dan apabila Hajar Aswad tersebut telah mendekati tempat dimana ia akan diletakkan, maka Rasulullah (s.a.w.) yang akhirnya meletakkan Hajar Aswad tersebut ditempatnya semula⁶.

Rasullullah (s.a.w.) juga merupakan pemimpin pasukan perang dalam menghadapi orang-orang kafir, dan menyelesaikan banyak permasalahan yang berlaku di kalangan umatnya yang berbilang kaum, serta menjadi pemimpin kepada pelbagai kaum dan suku Arab dan agama yang terdapat di Madinah ketika itu. Peperangan di zaman Rasulullah (s.a.w.) dikategorikan kepada dua jenis iaitu *ghazwah* dan *sariyyah*, kedua-dua nama tersebut merupakan istilah yang digunakan untuk mengungkapkan peperangan yang berlaku di zaman permulaan Islam. Adapun *ghazwah* ialah istilah peperangan yang dipimpin terus oleh baginda Rasulullah (s.a.w.), sedangkan istilah *sariyyah* pula digunakan untuk nama peperangan yang tidak disertai oleh

Fidā Ismā'īl Ibn Katsīr (1971), *al-Sīrah al-Nabawīyyah*,. Bairūt: Dār al-Ma'rifah li al-Ṭibā'ah Wa al-Nashr Wa al-Tawzī' J. 1, h. 273.

⁶ H.M.H. al-Hamid al-Husaini (2005), *Riwayat Kehidupan Nabi Besar Muhammad (s.a.w.)*. Bandung: Pustaka Hidayah, h. 248-249

baginda Rasulullah, tetapi beliau hanya mengirimkan ekspedisi pasukan perang yang diketuai oleh salah seorang sahabat⁷.

Adapun jumlah peperangan yang dipimpin sendiri oleh baginda Rasulullah (s.a.w.) mengikut pandangan Ibn Hishām dalam kitabnya menyebutkan sebanyak 27 kali peperangan, namun daripada jumlah tersebut hanya 9 kali sahaja yang sempat berlaku pertempuran, kerana pada pertemuan-pertemuan yang lainnya pihak musuh terlebih dahulu menyerah damai sebelum berlakunya pertempuran antara kedua-dua belah pihak, iaitu orang-orang Muslim dan orang-orang Kafir⁸. Antara peperangan yang sempat berlaku pertempuran ialah seperti perang *Badr* yang berlaku pada 17hb Ramadan tahun 2 H, perang *Uhud* pada bulan Sya'ban 3 H, perang *al-Khandaq* pada bulan Syawal tahun 5 H, perang *Quraydah* perang *Khaybar* pada tahun 7 H, perang *Mu'tah* pada tahun 8 H), perang *Fath al-Makkah* pada tahun 8 H, perang *Hunayn* pada 8hb Safar tahun 8 H, dan perang *Tā'if* pada tahun 8 H.⁹

Bentuk dan model kepemimpinan yang telah ditunjukkan oleh baginda Rasulullah (s.a.w.) semasa hayatnya terlalu banyak untuk diperbincangkan, sama ada yang berhubung kait dengan kepemimpinan negara, masyarakat, rumah tangga dan lain sebagainya. Oleh kerana baginda adalah seorang negarawan, ahli politik, ketua masyarakat dan keluarga, malah baginda juga pada masa itu adalah seorang pemimpin yang mempunyai hubungan antarabangsa yang luas. Salah satu contoh asas kepemimpinan baginda yang dapat kita ambil dan kita hayati ialah kepemimpinan yang berdasarkan kepada ciri-ciri kemanusiaan dan akhlak yang mulia, serta penghayatan

⁷ Sa'id Hawwa (1986), *al-Rasūl Salla al-Allāh 'Alayhi Wasallam*. Kāhirah: Dār al-Salām, h. 187

⁸ Abī Muhammad 'Abd al-Mālik bin Hīṣhām al-Ma'āfiryy (1975), *al-Sīrah al-Nabawiyah*, j. 4., Bairūt: Dār al-Jail, h. 189

⁹ *ibid*

nilai agama yang berpaksikan kepada keimanan yang teguh kepada Allah (s.w.t.), kerana jika melihat kepada sejarah kepimpinan baginda Rasulullah (s.a.w.), mendapati bahawa baginda telah menunjukkan satu contoh kepimpinan yang amat berkesan dan berjaya. Kejayaan baginda ini sepatutnya dijadikan inspirasi dan panduan bagi para pemimpin yang berjuang pada hari ini, terutama bagi mereka yang berjuang ke atas nama Islam dan kedaulatannya.

Kunci kejayaan baginda dalam memimpin umatnya dan misi beliau di dalam menyampaikan risalah Allah kepada manusia dengan berkesan, adalah terletak atas beberapa ciri penting, di antaranya ialah:

1. Perwatakan dan keperibadian baginda yang cemerlang
2. Akhlak baginda yang tinggi dan terpuji
3. Kesesuaian percakapan dengan perbuatan baginda
4. Kebijaksanaan dalam setiap tindakan baginda.
5. Perlakuan dan sikap yang ditonjolkan melalui akhlak yang tinggi
6. Pemikiran yang strategik lagi mulia
7. Kebijaksanaan berkomunikasi; Sifat ini amat terselah pada diri baginda Rasulullah (s.a.w.) ketika berhadapan dengan keadaan-keadaan tertentu, seperti ketika berlakunya pengkhiatan para sahabat kepada beliau semasa perang Uhud, sehingga Allah (s.w.t.) telah memberikan pengiktirafan-Nya kepada beliau yang diabadikan di dalam al-Qur'an pada Ayat berikut:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ

Maka dengan sebab rahmat dari Allah, engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka, dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu

Sūrah Āli-‘Imrān (3): 159

Sikap kelembutan yang ada pada diri baginda bukan berarti beliau adalah seorang yang lemah, dan cepat menyerah kalah terhadap sikap mereka orang-orang musyrik jahiliyyah tanpa menunjukkan sikap ketegasan dan kewibawaan yang mantap kepada mereka. Tetapi dalam Ayat tersebut adalah merupakan pujian kepada Rasulul-Nya, kerana Allah (s.w.t.) telah memasukkan sifat rahmat-Nya ke dalam diri baginda, iaitu sifat belas kasihan dan cinta kasih kepada umatnya, sehingga dengan sifat rahmat tersebut telah mempengaruhi sikap baginda ke dalam kepimpinannya¹⁰.

8. Bijak dan tegas dalam membuat keputusan; walaupun kadang-kadang keputusan yang dibuatnya dipersoalkan oleh sesetengah sahabat, sehingga baginda terpaksa harus memberikan penjelasan untuk meyakinkan kepada mereka, seperti beberapa keputusan yang dibuatnya dalam Perjanjian Hudaibiah¹¹.

Beberapa contoh sifat dan sikap kepimpinan baginda tersebut di atas, masih banyak lagi terdapat contoh-contoh teladan kepimpinan yang lainnya yang ditunjukkan dan diwariskan baginda Rasulullah (s.a.w.) untuk umatnya. Sifat dan sikap tersebut kaitannya dalam konteks kepimpinan hari ini, memberikan pengajaran agar setiap pemimpin Muslim patut mencontohi kepimpinan yang telah diamalkan oleh baginda Rasulullah (s.a.w.). Oleh kerana itu seorang pemimpin atau ketua negara mestilah mempunyai sikap tegas dan bijaksana, seperti jika ia membuat sesuatu keputusan yang agak menyakitkan di kalangan bawahannya, maka keputusan tersebut

¹⁰ Abū Ja'far Muḥammad Bin Jarīr al-Ṭabārī (2001), *Taḥfīr al-Ṭabārī*, j. 6, c.1, (Taḥqīq Abdullah Abd al-Muhsin al-Turki). Kāherah: Markāz al-Buḥūth wa al-Dirāsāt al-'Arabīyyah wa al-Islāmiyyah, h. 110

¹¹ 'Alī Muḥammad al-Ṣallābī (2008), *al-Sīrah al-Nabawīyyah 'Arḍu Waqā'i wa Taḥlīl Ahdāth*, c. 7., Bairūt: Dār al-Ma'rifah, h. 673

perlu dibuat berdasarkan kepada tujuan untuk menjaga kepentingan dan kemaslahatan umat, bukan berdasarkan kepada kepentingan pribadi atau golongan tertentu.

2.2. Definisi Kepimpinan Islam

Definisi kepimpinan secara umum ialah suatu proses pengaruh sosial di mana seseorang boleh mendapatkan bantuan dan sokongan orang lain dalam pencapaian tugas yang sama¹². Kepemimpinan juga dapat di fahami ianya sebagai proses mempengaruhi atau memberi contoh oleh pemimpin kepada pengikutnya dalam usaha mencapai tujuan organisasi¹³. Adapun definisi kepimpinan secara khusus ia mempunyai makna yang berbeza-beza, bergantung kepada corak dan model kepimpinan yang akan ditakrifkan, contoh seperti kepimpinan politik menurut Windlesham, ia merupakan kegiatan yang berkaitan dengan pengaturan terhadap warga masyarakat¹⁴. Jadi secara sederhana kepemimpinan politik diartikan sebagai cara memimpin suatu kegiatan yang berkaitan dengan pengaturan terhadap warga masyarakat.

Adapun definisi kepimpinan yang berhubungkait dengan politik Islam telah menggunakan istilah-istilah seperti *al-imāmah al-‘uzmā*, *al-khilāfah*, *imārah al-mu‘minīn*, dan *al-qiādah*¹⁵. Tetapi istilah *al-khilāfah* dan *al-imāmah* adalah dua istilah yang lebih popular digunakan oleh para ulama dalam kitab-kitab fiqh siyasah berbanding dengan istilah-istilah yang lain. Istilah *al-khilāfah* digunakan asalnya

¹² Martin M. Chemers (1997), *An Integrative Theory of Leadership*. London: Lawrence Erlbaum Associates Publishers, p. 1

¹³ Nurkolis (2003), *Manajemen Berbasis Sekolah: Teori, Model dan Aplikasi*. Jakarta: Penerbit Grasindo, h. 5

¹⁴ Lord Windelsen (1966), *Communication and political power*. London: Jonathan Cape, h. 15

¹⁵ Wahbah al-Zuhayli (1989), *al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuh*. Damsyiq: Dār al-Fikr, c. 3, j. 8, h. 661

untuk maksud pengganti baginda Nabi Muhammad (s.a.w.) dalam kepemimpinan negara Islam (*al-dawlah al-Islāmiyyah*)¹⁶. Kemudian dalam perkembangan seterusnya istilah *al-khilāfah* digunakan terus untuk menyebut istilah Negara Islam itu sendiri¹⁷, dan pada akhirnya definisi tersebut telah dijadikan dasar pembahasan oleh hampir seluruh ulama fikah siasah, ketika mereka membahas tentang “*Khilāfah*” atau “*Imāmah*” dalam kitab-kitab dan kajian mereka.

Antara sebab berlakunya perbezaan para ulama dalam mendefinisikan istilah kepemimpinan Islam, ialah wujudnya perbezaan dalam menilai dan menentukan kedudukan kepemimpinan (*manṣab al-khilāfah*) itu sendiri. Sepertimana pandangan sebahagian para ulama yang menyatakan bahawa *al-Khilāfah* merupakan *al-Maḥzar al-Siāsiyy*, iaitu sebagai sebuah institusi yang menjalankan hal ehwal politik atau yang berhubungkait dengan kekuasaan (*al-sultān*). Pandangan kedua berpendapat bahawa *al-Khilāfah* merupakan sebuah sistem pemerintahan (*nizām al-hukm*). Adapun pandangan yang ketiga melihat bahawa *al-Khilāfah* adalah merupakan bentuk symbol keagamaan (*al-maḥzar al-dīniyy*), iaitu sebuah institusi yang menjalankan hal ehwal keagamaan, seperti perkara yang berhubungkait dengan pelaksanaan *mu’āmalah*, *al-ahwāl al-shakhsiyyah* dan ibadah-ibadah *maḥḍah* lainnya¹⁸.

¹⁶ Maḥmūd Shukri bin ‘Abdullah bin Shihāb al-Dīn Maḥmūd al-Alūsi al-Ḥusaini al-Baghdādi (1995), *Rūḥ al-Ma’āni fī Tafṣīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm wa Sab’u al-Mathāni*, j. 3, Bairūt: Dār al-Turāth al-‘Arabi, h. 20

¹⁷ Maḥmūd al-Khālidi (1984), *Ma’ālim al-Khilāfah fī al-Fikr al-Siyāsi al-Islāmi*, Bairūt: Dar al-Jail, h. 226

¹⁸ al-Khālidi (1984) *ibid.* h. 227

Beberapa ulama yang telah membuat rumusan definisi *al-Khilāfah* atau *al-Imāmah*¹⁹ antaranya ialah definisi yang dikemukakan oleh Imām al-Māwardi di dalam kitabnya seperti berikut:²⁰

الإِمَامَةُ مَوْضُوعَةٌ لِخِلَافَةِ النَّبُوءَةِ فِي حِرَاسَةِ الدِّينِ وَسِيَاسَةِ الدُّنْيَا.

Kepimpinan ialah suatu dibentuk untuk ditetapkan bagi menggantikan tugas kenabian dalam menjaga perkara agama dan mengatur urusan dunia.

Sedangkan definisi kepemimpinan yang menggunakan istilah *al-khilāfah* antara lain dikemukakan oleh Ibn Khaldūn dalam pernyataannya seperti berikut:²¹

وَالْخِلَافَةُ هِيَ جَمَلُ الْكَافَّةِ عَلَى مُقْتَضَى النَّظَرِ الشَّرْعِيِّ فِي مَصَالِحِهِمُ الْأَخْرَوِيَّةِ وَالْدُّنْيَوِيَّةِ الرَّاجِعَةِ إِلَيْهَا

al-Khilafah ialah pemerintahan yang berlandaskan Agama, yang memerintahkan rakyatnya sesuai dengan petunjuk Agama sama ada dalam hal ehwal keduniaan mahupun perkara akhirat.

Adapun menurut pandangan Muḥammad Rashīd Riḍā dalam salah satu bukunya menyatakan bahawa istilah *al-imāmah al-‘uzmā*, *al-khīlafah*, *imārah al-mu‘minīn*, ketiga-tiganya mempunyai makna yang sama:²²

وَهُوَ رِئَاسَةُ الْحُكُومَةِ الْإِسْلَامِيَّةِ الْجَامِعَةِ لِمَصَالِحِ الدِّينِ وَالْدُّنْيَا.

Iaitu kepemimpinan pemerintahan Islam yang menyeluruh demi kemaslahatan dunia dan akhirat

Sedangkan menurut Imām al-Juwayni, *al-Imāmah* adalah kepemimpinan yang bersifat menyeluruh (*ri‘ārah tāmmah*), kerana kepemimpinan adalah sesuatu yang

¹⁹ Takrif *al-Khilafah* tersebut telah dihipunkan oleh Ṣalāh al-Ṣāwī (t.t.), *al-Wajz fī Fiqhi al-Khilāfah*. Kāherah: Dār al-‘Ilām al-Dawli, h. 5-6

²⁰ Abū Ḥasan ‘Alī Ibn Muḥammad Ibn Ḥabīb al-Bashri al-Baghdādi al-Māwardi (1989), *al-Aḥkām al-Sulthāniyah Wa al-Wilayāt al-Dīniyyah*. (Taḥqīq: Aḥmad Mubārak al-Baghdādi). Kuwait: Maktabah Dār Ibn Qutaybah, h. 3

²¹ Ibnu Khaldūn (1999), *al-Mukaddimah Ibn Khaldūn: al-Musamma Bi al-Kitāb al-‘Ibar Wa al-‘Ajam Wa al-Barbar Wa Man ‘Asarāhum Min Dhaw’i al-Sulṭān al-Akḥbar*. Beirut: Dar al-Iḥyā al-Turāth al-‘Arabi, h. 151

²² Muḥammad Rashīd Riḍā (1988), *al-Khilāfah*. Kāherah: al-Zahra li al-‘Ilām al-Arabi, h. 17

berhubungkait dengan perkara-perkara yang khusus dan umum di dalam kepentingan-kepentingan agama dan dunia²³. Imām al-Bayḍāwī pula menyatakan bahawa *al-Khilāfah* ialah pengganti bagi baginda Rasulullah (s.a.w.) oleh seseorang daripada beberapa orang, untuk menegakkan hukum syariah, penjagaan hak milik umat, yang wajib diikuti oleh seluruh umat²⁴. Seterusnya pandangan menurut ‘Adhuddin al-Ījī, *al-Khilāfah* ialah kepimpinan umum (*riāsah ‘āmmah*) dalam perkara hal ehwal dunia dan agama, dan lebih utama disebut sebagai pengganti Rasulullah dalam penegakkan agama²⁵. Bentuk definisi tersebut sedikit berbeza dengan pandangan al-Tiftazani, yang menyatakan bahawa *al-Khilāfah* ialah kepimpinan umum dalam urusan agama dan dunia, sebagai pengganti daripada Nabi Muhammad (s.a.w.) dalam penegakan agama, pemeliharaan hak milik umat, yang wajib ditaati oleh seluruh umat²⁶.

Pandangan berikutnya menurut al-Qalqashandi, *al-Khilāfah* ialah kekuasaan umum (*wilāyah ‘āmmah*) ke atas seluruh umat, pelaksanaan perkara-perkara umat, serta pemikulan tugas-tugasnya²⁷. Demikian juga dengan pandangan al-Kamal ibn al-Humam, *al-Khilāfah* ialah autoriti (*istiḥqāq*) pengaturan umum ke atas kaum muslimin²⁸, sedangkan menurut Imam al-Ramli, *al-Khilāfah* ialah *al-imām al-a’zam* (imam besar), yang berkedudukan sebagai pengganti kenabian dalam penjagaan

²³ Imām al-Haramain Abī al-Ma’ālī al-Juwayni (1979), *Ghiyāth al-Umam*, (Taḥqīq: Muṣṭafa Hilmi *et al*). Iskandāriyah: Dar al-Da’wah, h. 15

²⁴ al-Qāḍī ‘Abdillāh bin ‘Umar al-Bayḍāwī (2008), *Hāshiyah Sharh al-Ṭawālī’al-Anwar* (Nuskhah Asliyyah), c.1., Kaherah: Dār al-Kutub, h.228

²⁵ ‘Aḍu al-Dīn Abd al-Raḥmān bin Aḥmad al-Ījī (t.t.), *al-Mawāqif fi ‘Ilmi al-kalām*,. Bairut: ‘Ālam al-Kutub, h. 395

²⁶ Sa’du al-Dīn al-Taftazāni (1989), *Sharh al-Maqāṣid*, c.1, j.5. Bairūt: ‘Ālam al-Kutub, h. 232; Rashid Rida (1988), *op.cit*, h.10.

²⁷ Aḥmad bin ‘Abdullāh al-Qalqashandī (2006), *Ma’āthsir Al-Ināfah fī Ma’ālim Al-Khilāfah*, c.1. j.1, Bairut: ‘Ālam al-kutub, h.8

²⁸ Kamāl bin Abī Sharīf bin al-Humām (1928), *al-Musāmarah fi Syarh al-Musāyarah*, Kaherah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, h. 141

agama dan pengaturan urusan dunia²⁹. Demikian juga menurut Muhammad Ṣadiq Ḥasan Khān al-Qanūji, *al-Khilāfah* ialah kepemimpinan umum (*riṣāḥ ‘ammah*) untuk menegakkan agama dengan menghidupkan ilmu-ilmu agama, menegakkan rukun-rukun Islam, melaksanakan jihad, melaksanakan kehakiman (*qaḍā’*), menegakkan hudud sebagai pengganti dari Nabi (s.a.w.)³⁰.

Adapun pandangan Shaikh al-Bajūri menyatakan bahawa *al-Khilāfah* ialah pengganti baginda Nabi Muhammad (s.a.w.) dalam perkara-perkara yang berhubungkait dengan kemaslahatan-kemaslahatan umum bagi kaum muslimin³¹. Sedangkan pandangan bagi Muḥammad ‘Amārah, *al-Imāmah wa al-khilāfah* adalah kepemimpinan yang menegakkan syiar-syiar agama dan urusan-urusan kemaslahatan rakyat³², dan menurut Mustafa Sabri salah seorang Shaikh al-Islam pada masa zaman Dawlah Uṭmāniyyah, mendefinisikan *al-Khilāfah* ialah sebagai pengganti daripada Nabi (s.a.w.) dalam melaksanakan apa sahaja yang telah dibawa oleh baginda Nabi (s.a.w.) dalam bentuk hukum-ahkam shari’ah Islāmiyyah³³. Pandangan terakhir yang dapat penulis kutip ialah definisi kepemimpinan Islam menurut Dr. Hasan Ibrahim Hasan, *al-Khilāfah* ialah kepemimpinan umum dalam urusan-urusan agama dan dunia sebagai pengganti dari Nabi (s.a.w.)³⁴.

²⁹ Shamsuddīn Muḥammad bin Abī al-‘Abbās Aḥmad bin Hamzah Shihābuddīn al-Ramlī (1998), *Nihāyah al-Muhtāj ila Sharh al-Minhāj*, j.7. Bairut: Dār al-Fikr. 289.

³⁰ Muḥammad Ṣadiq Ḥasan Khān al-Qanūji (1293), *Iklīl Al-Karāmah fī Tibyān Maqāṣid Al-Imāmah*. Bahubal (Bangladesh): Maṭba’ al-Ṣadiq al-Wāqī’i, h. 23

³¹ ‘Ali Jum’ah Muḥammad al-Shāfi’i (2002), *Hāshiyah Imām al-Baijūrī ‘Ala Jawhar al-Tawḥīd al-Musamma Tuḥfah al-Murīd ‘Ala Jawhar al-Tawḥīd*. Kaherah: Dār al-Salām, h. 325

³² Muḥammad ‘Amārah (2000), *al-Islām wa Uṣūl al-Ḥukm li ‘Ali Abdurrazāq*. Miṣr: Dār al-Fikr al-‘Arabiyy, h. 135

³³ Muṣṭafa Ṣabri (1981), *Mawqif al-‘Aql wa al-‘Ilm wa al-‘Ālam*, c. 2, j. 4. Bairūt: Dār Iḥyā al-Turāth al-‘Arabiyy, h. 363

³⁴ Ḥasan Ibrāhīm Ḥasan (1996), *Tarīkh al-Islām al-Siāsiyy wa al-Dīniyy wa al-Thaqāfiyy wa al-Ijtīmā’iyy*, c. 14, j. 1., Bairūt: Dār al-Jayl, h. 350

Berdasarkan huraian tersebut di atas Dr. Muhammad Yusuf Musa telah membuat rumusan, bahawa definisi yang paling sesuai untuk mentakrifkan kepimpinan Islam ialah menggunakan istilah perkataan *al-Khilāfah*, yang membawa maksud pemimpin yang membangun dan menjaga urusan agama dan urusan duniawi dengan membawa ummah ke jalan yang lurus serta menerangkan setiap urusan dunia agar tidak terpisah dengan agama dan wajib berhukum mengikut hukum syarak yang berpandukan kepada ilmu-ilmu agama³⁵. Rumusan tersebut disokong oleh Sheykh Abdul Munir bin Sheikh Abdul Rahim dalam kajian tesis sarjananya, beliau menyatakan dan mendapati bahawa kepimpinan di dalam Islam ialah disebut *al-Khilāfah* yang bererti kepimpinan yang mempertahankan agama dan memakmurkan dunia dan menjalankan segala perintah Allah (s.w.t.) dengan membawa umat manusia ke jalan yang lurus serta menguruskan urusan dunia dengan tidak melanggar hukum syarak³⁶, sebagaimana Firman Allah (s.w.t.):

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ
لِيَبْلُوكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ

Dan Dia lah yang menjadikan kamu penguasa-penguasa di bumi dan Dia meninggikan sebahagian kamu atas sebahagian (yang lain) beberapa derajat, untuk mengujimu tentang apa yang diberikan-Nya kepadamu. Sesungguhnya Tuhanmu Amat cepat siksaan-Nya dan Sesungguhnya Dia Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

Surāh al-An‘ām (6): 165

Berdasarkan beberapa pandangan tersebut di atas penulis mendapati bahawa skop kepimpinan Islam amat luas berbanding kepimpinan sekular, kerana fungsi dan kedudukan pemimpin Islam tidak hanya terbatas kepada menjalankan roda

³⁵ Muḥammad Yūsuf Mūsā (1964), *Nizām al-Hukum Fī al-Islām*, c.2., Kāherah: Dār al-Ma‘rifah, h. 9.

³⁶ Sheikh Abdul Munir bin Sheikh Abdul Rahim (2008), *Etika Kepimpinan Menurut Islam: Satu Kajian Di Kalangan Pemimpin Melayu Peringkat Negeri, Di Pahang Darul Makmur*, (Tesis Sarjana Jabatan Siasah Syar’iyyah, APIUM), h. 59

kepemerintahan sahaja, tetapi dia bertanggungjawab memastikan semua sistem berjalan di atas koridor hukum Islam. Pemimpin Islam atau ketua negara bertanggungjawab dan berkewajipan mempengaruhi rakyat bawahannya untuk tetap sentiasa menta'ati apa yang diperintahkan selagi ia tidak bercanggah dengan hukum Syariah. Kewajipan tersebut sesuai dengan kedudukannya sebagai ketua negara atau pemimpin, kerana kepimpinan menurut Thoha adalah satu aktiviti bagi mempengaruhi karakter orang lain agar mahu diarahkan untuk mencapai tujuan tertentu³⁷. Oleh yang demikian dapat disimpulkan bahawa kepimpinan adalah proses mempengaruhi karakter seseorang, sehingga apa yang menjadi ajakan dan seruan pemimpin dapat dilaksanakan oleh orang lain guna mencapai tujuan yang menjadi kesepakatan antara pemimpin dengan rakyatnya.

Adapun kepimpinan Islam bagi pandangan penulis tidak semestinya terikat dengan satu-satu istilah tertentu, kerana istilah hanya sebagai nama gelaran sahaja bagi seseorang pemimpin atau ketua negara, sama ada gelaran tersebut sebagai *al-imāmah al-'uẓmā*, *al-khilāfah*, *imārah al-mu'minīn*, *al-qiādah*, *al-Ri'āṣah*, Perdana Menteri ataupun Presiden, kerana yang terpenting dalam kepimpinan Islam ialah fungsi daripada kedudukan seseorang tersebut sebagai pemimpin atau ketua negara. Jika sekiranya perlantikannya dilakukan dalam sebuah negara Islam dengan sistem syura, dan memerintah dengan cara yang adil berpaksikan agama serta bertahkim dengan menggunakan sistem perlembagaan berlandaskan kepada al-Qur'an dan al-Sunah, maka itulah sesungguhnya yang dimaksudkan dengan kepimpinan Islam yang sebenar.

³⁷ Miftah Thoha (1983), *Kepimpinan dalam Manajemen*. Jakarta: Rajawali Pers. h. 123

2.3. Asas Teori Kepimpinan Islam

Asas teori kepimpinan amat jelas dalam Islam, kerana isyarat tersebut terdapat di dalam al-Qur'an dan juga hadith-hadith Rasulullah (s.a.w.), asas-asas kepimpinan Islam sesungguhnya telah terdapat dengan jelas pada sifat diri baginda Rasulullah (s.a.w.), malah mengikut aqidah ahli sunnah ianya merupakan sifat wajib yang perlu dipercayai oleh umat Islam. Menurut Quraish Shihab, semua sifat-sifat kepimpinan Rasulullah tersebut terangkum di dalam al-Qur'an, iaitu; (1) *al-sidq*, yakni kebenaran dan kesungguhan dalam bersikap, bercakap serta berjuang melaksanakan tugasnya. (2) *al-amānah*, atau kepercayaan yang menjadikan diri baginda sentiasa menjaga dengan sebaik-baiknya apa yang diamanahkan kepadanya, sama adan ianya amanah daripada Allah (s.w.t.), mahupun amanah daripada umat yang dipimpinnya, sehingga akan tercipta suasana yang kondusif dan rasa aman, khasnya bagi seluruh umatnya dan semua manusia pada amnya, (3) *al-fatānah*, iaitu kepintaran dan kecerdasan luhur yang melahirkan kemampuan pada diri baginda di dalam menghadapi dan mengatasi apa jua persoalan yang timbul dikalangan umatnya. (4) *al-tablīgh*, iaitu penyampaian yang jujur dan bertanggungjawab, atau dapat juga diistilahkan dengan sifat terbuka³⁸.

Keempat-empat sifat tersebut merupakan asas kepimpinan yang mesti dijadikan landasan bagi setiap pemimpin, sama ada kepimpinan dalam skop yang kecil seperti ketua keluarga, mahupun besar seperti ketua negara ataupun ketua dunia. Selain sifat-sifat tersebut di atas, terdapat lagi sifat-sifat yang lainnya sepertimana yang dirakamkan dalam al-Qur'an, *pertama*, larangan tidak boleh menjadikan orang kafir atau orang yang tidak beriman sebagai pemimpin bagi orang-orang Muslim, artinya seorang pemimpin dalam sesebuah negara majoriti muslim mestilah ia seorang yang

³⁸ Quraish Shihab (2000), *op. cit.*, h. 47- 48

beragama Islam, kerana orang bukan Islam dibimbangi akan mempengaruhi terhadap kualiti kepelbagaian rakyat yang dipimpinnya, sebagaimana Firman Allah (s.w.t.):

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّخِذُوا الْكٰفِرِينَ ءَوْلِيَآءَ مِن دُونِ الْمُؤْمِنِينَ
أَتُرِيدُونَ أَن تَجْعَلُوا لِلّٰهِ عَلَيْكُمْ سُلْطٰنًا مُّبِينًا

Wahai orang yang beriman, janganlah kamu mengambil orang kafir menjadi teman rapat dengan meninggalkan orang yang beriman. Adakah kamu hendak mengadakan alasan yang terang nyata bagi Allah untuk (menyeksa) kamu?.

Surāh al-Nisā (4): 144

Seterusnya yang *kedua* adalah larangan melantik pemimpin daripada orang-orang yang mempermainkan agama Islam, sebagaimana Firman Allah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّخِذُوا الَّذِينَ اتَّخَذُوا دِينَكُمْ هُزُوًا وَلَعِبًا مِّنَ الَّذِينَ
أُوتُوا الْكِتَابَ مِن قَبْلِكُمْ وَالْكَفَّارَ ءَوْلِيَآءَ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِن كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ

Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang yang menjadikan agama kamu sebagai ejek-ejekan dan permainan dari orang yang telah diberikan Kitab sebelum kamu, dan orang kafir menjadi penolong; dan bertakwalah kepada Allah, jika kamu benar-benar beriman.

Sūrah al-Māidah (5): 57

Ketiga, pemimpin mestilah mempunyai kepakaran dalam bidang pengkhususan tertentu, kerana pemberian tugas atau wewenang kepada orang yang tidak berkelayakan akan mengakibatkan rusaknya tugas yang diamanahkan kepadanya, sepertimana sabda baginda Rasulullah (s.a.w.):

عن أبي هريرة رضى الله تعالى عنه قال: قال رسول الله ﷺ: إِذَا وُسِدَ الْأَمْرُ إِلَىٰ غَيْرِ أَهْلِهِ
فَإِنْتَظِرِ السَّاعَةَ (رواه البخارى)

Apabila sesuatu tugas diserahkan kepada yang bukan pakarnya, maka tunggulah saat kehancurannya.³⁹

³⁹ Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī al-Ja'fi (2002), *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, c.1. Kitāb Raqāq, Bāb Raf'u al-Amānah, no hadith: 6496. Bairūt: Dār Ibn Kathīr, h. 1615

Keempat, pemimpin mestilah orang yang dapat diterima oleh kelompok majoriti (*acceptable*), kerana dengan demikian ia boleh mencintai dan dicintai rakyatnya, mendoakan dan didoakan oleh umatnya, sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w:

خَيْرُ أُمَّتِكُمُ الَّذِينَ تُحِبُّونَهُمْ وَيُحِبُّونَكُمْ، وَتُصَلُّونَ عَلَيْهِمْ وَيُصَلُّونَ عَلَيْكُمْ، وَشَرُّ أُمَّتِكُمُ الَّذِينَ تُبْغِضُونَهُمْ وَيُبْغِضُونَكُمْ، وَتَلْعَنُونَهُمْ وَيَلْعَنُونَكُمْ (رواه مسلم).

Sebaik-baiknya pemimpin adalah mereka yang kamu cintai dan mencintai kamu, kamu berdoa untuk mereka dan mereka berdoa untuk kamu. Seburuk-buruk pemimpin adalah mereka yang kamu benci dan mereka membenci kamu, kamu melaknati mereka dan mereka melaknati kamu.⁴⁰

Kemudian seorang pemimpin juga mestilah orang yang mempunyai sifat lebih mengutamakan, membela dan mendahulukan kepentingan rakyatnya, menegakkan keadilan, melaksanakan syari'at, berjuang memberantas segala bentuk kemungkaran, kekufuran, kekacauan, dan fitnah, ini sesuai dengan Firman Allah (s.w.t.):

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ ءَلَّا تَعْدِلُوا ءَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ.

Wahai orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan janganlah kebencian kamu terhadap suatu kaum itu mendorong kamu untuk tidak berlaku adil. Berlaku adillah kerana ia lebih hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan apa yang kamu lakukan.

Sūrah al-Māidah (5): 8

⁴⁰ al-Imām Zainuddīn Aḥmad ibn Aḥmad ‘Abd al-Laṭīf al-Zābidi (2002), *Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ Bukhārī*, c. 2. Riyadh: Dar al-Muayyid, h. 27

2.4. Peranan Pemimpin Menurut Perspektif Islam

Kedudukan pemimpin atau ketua negara di dalam konsep (*manhaj*) Islam, merupakan perkara yang teramat sangat penting, kerana pemimpin menempati kedudukan tertinggi di dalam sebuah kerangka bangunan masyarakat Islam. Kedudukan pemimpin dalam kehidupan berjama'ah bagaikan sebuah kepala dari seluruh anggota tubuhnya, sebab ia mempunyai peranan yang strategis di dalam pengurusan model, bentuk dan gerakan (*harakah*). Oleh yang demikian kecekapan seorang pemimpin di dalam mengarahkan umatnya akan membawa kepada satu natijah kejayaan dan kesejahteraan umat yang di ridhai Allah (s.w.t.). Kerana jika sebuah jama'ah atau negara yang mempunyai seorang pemimpin yang cergas, produktif serta cekap dalam pengembangan kreativiti dan inovasi amaliyah, maka nescaya perjalanan umatnya akan dapat mencapai titik kejayaan yang cemerlang. Tetapi sebaliknya, jika suatu jama'ah dipimpin oleh orang yang mempunyai banyak kelemahan dari aspek keilmuan, ataupun dari aspek pemahaman nilai tanggungjawab, serta ia lebih mengutamakan hawa nafsunya dalam menentukan sebarang keputusan dan tindakan, maka nescaya sesebuah negara tersebut akan mengalami kemunduran dan bahkan akan mengalami kehancuran. Sepertimana Firman Allah (s.w.t.):

وَإِذَا أَرَدْنَا أَنْ نُهْلِكَ قَرْيَةً أَمَرْنَا مُتْرَفِيهَا فَفَسَقُوا فِيهَا فَحَقَّ عَلَيْهَا الْقَوْلُ
فَدَمَّرْنَاَهَا تَدْمِيرًا

Dan apabila sampai tempoh Kami hendak membinasakan penduduk sesebuah negeri, Kami perintahkan (lebih dahulu) orang-orang Yang melampau Dengan kemewahan di antara mereka (supaya taat), lalu mereka menderhaka dan melakukan maksiat padanya; maka berhaklah negeri itu dibinasakan, lalu Kami menghancurkannya sehancur-hancurnya.

Sūrah al-Isrā (17):16

Oleh yang demikian, untuk menghindari kemungkinan berlakunya bentuk-bentuk perkara negatif, seperti bentuk penyelewangan yang dilakukan oleh pemimpin atau ketua negara yang tidak amanah, tidak bersikap jujur dan sebagainya terhadap umat atau rakyat yang dipimpinnya, maka perlulah dipilih seorang pemimpin dari kalangan mereka sendiri, untuk membawa dan memandu rakyat mencapai segala matlamat dan tujuan hidup bernegara, dan pada masa yang sama akan membolehkan mereka terhindar daripada perkara-perkara yang buruk, seperti kehidupan bernegara tidak dapat berjalan dengan baik dan teratur, serta tidak kondusif dan lain sebagainya. Maka oleh kerana itu, seluruh ulama kalangan sunni, murji'ah dan syi'ah, serta majoriti ulama mu'tazilah dan khawarij bersepakat, bahawa memilih seorang imam atau ketua negara dalam sesebuah negara merupakan sesuatu perkara yang sangat mustahak untuk dilaksanakan⁴¹.

Kewujudan seorang raja atau ketua negara yang berfungsi sebagai seorang penengah, pemisah, dan sekaligus seorang hakim. Menurut Ibn Khaldun adalah suatu kemestian bagi kehidupan bersama manusia dalam suatu masyarakat atau negara. Alasannya ialah, kerana manusia pada saat memenuhi keperluan hidupnya atau pada masa mereka berinteraksi antara sesamanya, akan terdedah kepada berlakunya bentrokan antara sesama mereka. Selain daripada itu, perwatakan yang agresif dan sifat ketidakadilan yang dimiliki oleh manusia juga boleh mendorong seseorang akan mengambil milik atau hasil usaha orang lain dengan cara yang tidak sah, sehingga wajar jika mereka yang merasa dirugikan akan berusaha untuk menghalangi tindakan perkara tersebut. Perkara ini tentu akan menimbulkan persengketaan yang menghala

⁴¹ al-Rais (1976), *op.cit.*, h. 128-129

kepada berlakunya permusuhan, pertarungan berdarah, dan pembunuhan, sehingga akan menimbulkan impak negatif iaitu akan punahnya umat manusia.

Manusia merupakan salah satu di antara makhluk Allah yang Dia sendiri sebagai *al-Khāliq* (Sang Pencipta), berkehendak untuk melestarikan kehadirannya di atas muka bumi ini. Oleh kerana itu kewujudan ketua negara yang akan menguruskan anggota masyarakat menurut Ibn Khaldūn ia sangat diperlukan.⁴² Demikian juga pandangan menurut Qamaruddīn Khān bahawa kewujudan seorang ketua negara itu sangat mustahak, kerana ia bertujuan untuk melindungi agama Allah (s.w.t.), negara, dan rakyat. Apabila dalam suatu negara ada seorang ketua negara yang tangguh dan handal, nescaya rakyatpun akan terbantu di dalam menegakkan agamanya, menguruskan semua keperluan dan hak-hak mereka, serta dapat melawan dan menghalau musuh-musuhnya, tetapi jika keadaan sebaliknya iaitu jika sesebuah negara tanpa dipimpin oleh seorang ketua negara, maka menurut al-Māwardi rakyat akan berada dalam keadaan *chaos* dan juga kewujudannya tidak akan diperhitungkan oleh bangsa-bangsa lain.⁴³

Menurut mazhab syi'ah pula kewujudan dan kedudukan bagi seorang imam adalah lebih penting dibandingkan dengan pandangan mazhab-mazhab yang lainnya. Sehingga kaum syi'ah mengkategorikan kemestian wujudnya seorang imam sebagai bahagian daripada rukun iman, keperluan wujudnya seorang imam bagi pandangan mereka sama seperti pentingnya wujudnya seorang utusan Allah atau Rasulullah

⁴² Munawir Sjadzali (1990), *Islam dan Tata Negara: Ajaran, Sejarah dan Pemikiran*. Jakarta: Universitas Indonesia Press, h. 101

⁴³ Abū Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad Ibn Ḥabīb al-Baṣrī al-Baghdādī al-Māwardī (1989), *al-Aḥkām al-Sulṭāniyah wa al-Wilāyāt al-Dīniyyah*. (Taḥqīq: Aḥmad Mubārak al-Baghdādī). Kuwait: Maktabah Dār Ibn Qutaybah, h. 1

dikalangan mereka, karena itu beriman kepada imam sama wajibnya dengan beriman kepada Allah, Rasul dan kitab-kitab-Nya, natijahnya jika seseorang tidak mempercayai imam, maka keimanan seseorang tersebut dianggap tidak sah⁴⁴, dan kelak pada hari kiamat nanti ia akan mendapat kemurkaan Allah (s.w.t.) dan mereka akan hidup kekal di dalam neraka-Nya.

Pandangan syi'ah tersebut di atas hampir senada dengan pendapat Ibn Abī Rabī, bahawa perlantikan ketua negara yang akan mentadbir sesebuah negara, memimpinya, dan mengurus segala permasalahan rakyatnya, adalah sangat mustahak dilakukan. Kerana mustahil suatu negara boleh berdiri tanpa penguasa yang akan melindungi warga-warganya dari gangguan dan bahaya, sama ada yang timbul di antara mereka sendiri ataupun yang datang daripada luar.⁴⁵ Sebagaimana Al-Ghazālī, Ibn Taimiyah juga berpendapat bahwa keberadaan ketua negara itu diperlukan tidak hanya sekadar menjamin keselamatan jiwa dan hak milik rakyat, serta memenuhi keperluan rakyat sahaja, tetapi lebih dari itu juga untuk menjamin pelaksanaan hukum Allah.⁴⁶ Melihat begitu pentingnya kewujudan seorang ketua negara, maka Ibn Taimiyah menyatakan, sebagai berikut:

سِتُّونَ سَنَةً مِنْ إِمَامٍ جَائِرٍ أَصْلَحُ مِنْ لَيْلَةٍ بِأَلَا سُلْطَانٍ.

Enam puluh tahun di bawah pemerintahan imam (kepala negara) yang zalim, adalah lebih baik daripada satu malam tanpa kepala negara.⁴⁷

Negara tanpa pemimpin sukar untuk ditegakkan, kerana ada terdapat beberapa kewajipan agama yang berhubungkait dengan perkara-perkara yang bersifat sosial

⁴⁴ *Ibid.*, h. 161; Ḥasan Abbās Ḥasan (1988), *Al-Fikr al-Siyāsī al-Syīfī al-Uṣūl wa al-Mabādi*. Bairut: Dār al-‘Ālamīyah, h. 167

⁴⁵ Munawir Sjadzali (1990), *op. cit.*, h. 46

⁴⁶ *Ibid.*, h. 89

⁴⁷ Taqiyuddīn Abū al’Abbās Aḥmad bin Taimiyah (1983), *al-Siyāsah al-Syar’īyah fī Iṣlāh al-Rā’iy wa al-Ra’īyah*, c.1. Bairūt: Dār al-Afāq al-Jadīdah, h. 139

kemasyarakatan, seperti menaikkan semangat keberanian tentera dalam peperangan jihad mempertahankan agama Allah (s.w.t.), menegakkan hukum jenayah dan lain-lain, itu semua tidak mungkin akan dapat terealisasikan tanpa campur tangan ketua negara, maka menurut al-Zurjāni, perlantikan seorang imam atau ketua negara ialah termasuk di antara maslahat kaum Muslimin yang paling sempurna dan *maqāṣid al-sharī'ah* yang paling agung atau dalam istilah Ibn Taimiyah, merupakan kewajipan agama yang paling agung (*a'zamu wājibāt al-ddm̄*).

Menurut Muhammad Diyā al-Dīn al-Rayis, melantik ketua negara itu sangat penting, khasnya untuk melaksanakan empat perkara. *Pertama*, untuk meneruskan misi Islam selepas kewafatan Nabi Muhammad (s.a.w.), sehingga ajaran yang dibawanya dapat terus dijalankan dengan baik. *Kedua*, melindungi masyarakat dari berbagai kesusahan, seperti kekacauan, persengketaan, peperangan, fitnah, pertumpahan darah, anarki, dan kehancuran dalam berbagai dimensi kehidupan manusia. *Ketiga*, untuk merealisasi kewajipan-kewajipan agama (yang perlaksanaannya memerlukan campur tangan penguasa), seperti membela orang yang teraniaya, menghukum para pelaku kejahatan, menikahkan wanita yang tidak mempunyai wali, dan lain-lain perkara yang tidak dapat ditangani oleh umat Islam secara perorangan. *Keempat*, untuk mewujudkan keadilan sempurna (*tahqīq al-'adl al-kāmil*) dan menjamin tercapainya keinginan rakyat untuk meraih kebahagiaan dunia akhirat.⁴⁸

Berbeza dengan pandangan Abū Bakr al-Ashām dan Hishām Ibn Amr al-Fūṭi, masing-masing berasal daripada aliran yang berbeza, yang pertama ialah salah seorang

⁴⁸ al-Rayis (1979), *op. cit.*, h. 128-139

dari kalangan Mu'tazilah dan yang satu satu lagi berasal kalangan al-Khawārij (dari puak Najdah), serta 'Aṭīyah Ibn Amr al-Hanafi, ketiga-tiga ulama tersebut menyatakan bahawa memilih ketua negara itu tidak mustahak untuk dilakukan. Bagi mereka yang mustahak atau yang wajib itu bukan melantik ketua negara, tetapi melaksanakan hukum-hukum Allah dan menegakkan kebenaran. Apabila umat Islam telah bersepakat untuk berlaku adil, tidak saling menganiaya, dan dapat merealisasikan hukum-hukum Allah, maka saat itu mereka tidak lagi memerlukan ketua negara. Akan tetapi, di saat kondisi kacau-bilau dan timbulnya perselisihan, maka pada saat itu, menurut Abu Bakar al-Asham, barulah umat Islam perlu memilih kepala negara, yang akan membantunya mengatasi kekacauan dan perselisihan yang terjadi di antara mereka.

Hishām al-Fūṭī berpendapat sebaliknya, jika keadaan umat Islam dalam kondisi aman dan bukan dalam keadaan kacau bilau, maka pada masa inilah umat Islam diperlukan untuk membuat pemilihan dan perlantikan bagi ketua negara. Jika suasana persekitaran negara tengah berada dalam keadaan huru-hara, kacau-bilau dan terdapat banyak berlaku perbuatan keji sehingga boleh menyebabkan terbunuhnya ketua negara, maka pada masa tersebut itu umat Islam tidak wajib mengangkat ketua negara. Ubad Ibn Sulaiman salah seorang murid daripada Hisyam yang juga pengikut Mu'tazilah, berpendapat lebih jauh lagi iaitu, pasca wafatnya khalifah keempat Ali Ibn Abi Thalib, tidak dibenarkan lagi terdapat seorang imam atau ketua negara bagi umat Islam⁴⁹.

⁴⁹ *ibid.*, h. 141

Bagi mereka yang beranggapan bahawa perlantikan bagi ketua negara adalah tidak mustahak, mereka beranggapan bahawa dipilihnya ketua negara tidak dapat memberikan apa-apa manfaat, malah justeru sebaliknya ia boleh mendatangkan banyak kesusahan (*muḍarat*) kepada rakyat. Sebagai panduan bagi pandangannya tersebut, mereka telah mengemukakan tujuh hujjah (argumentasi) seperti berikut:

- *Pertama*, perlantikan ketua negara menurutnya adalah bertentangan dengan prinsip *egalitarianism*, sebab kedudukan manusia itu sama bagaikan kedudukan barisan gigi sikat rambut. Setiap orang memiliki kedudukan yang sama dengan yang lainnya, jadi tidak masuk akal jika seseorang itu mesti taat kepada ketua negara yang pada asasnya kedudukannya berada pada tahapan yang sama rata.
- *Kedua*, dengan diangkatnya ketua negara maka akan berlaku sesuatu yang berlawanan antara kewajipan mentaati ketua negara dengan hak kebebasan berpandangan. Jadi tidak masuk akal jika seorang imam atau ketua negara yang wajib ditaati tersebut ternyata menurut individu tertentu ia boleh diingkari.
- *Ketiga*, pengangkatan ketua negara berarti menafikan hak untuk mendapatkan kemerdekaan. Sebab mendudukan seseorang di atas orang lain yang setaraf dengannya agar ia dapat menilainya mengenai apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan, ia tidak mustahil akan merugikan pihak yang berkuasai tersebut.
- *Keempat*, pengangkatan ketua negara akan dapat menimbulkan perpecahan. Sebab boleh jadi terdapat pihak-pihak yang tidak menyetujuinya seperti yang sering berlaku di masa lalu. Akibatnya terjadilah skisma yang merugikan rakyat.
- *Kelima*, bagi ketua negara yang terpilih tentu ia bukan seorang yang ma'shum (terpelihara dari dosa). Sehingga boleh jadi pada satu masa nanti ia akan

melakukan kekufuran dan kefasikan. Tindakan seperti itu tentu sahaja akan merugikan rakyat jika ketua negara tersebut tetap memegang jawatannya, dan jika ia dipecat, rakyat juga yang akan menanggung kerugian, sebab untuk memecatnya rakyat perlu memerangnya.

- *Keenam*, ketua negara akan dirasakan manfaatnya jika rakyat boleh memperolehi akses untuk dapat terus menemuinya. Sudah menjadi rahsia umum, bahawa rakyat jelata majoriti selalunya mendapatkan kesukaran untuk boleh berhubung terus dengan ketua negara dalam menghadapi perkara-perkara duniawi mereka. Jelas membuktikan bahawa dipilihnya ketua negara sama sekali tidak mempunyai apa-apa manfaat bagi rakyat biasa.
- *Ketujuh*, untuk dapat menjadi ketua negara banyak kriteria yang sangat sukar untuk dipenuhi oleh seseorang. Jika dipilih seseorang yang tidak memenuhi kriteria yang telah ditetapkan, maka berarti ia telah meninggalkan kewajipan. Sebaliknya, jika tidak memilih ketua negara berarti rakyat telah melalaikan kewajipan. Jadi pengangkatan kepala negara dalam kondisi demikian menghadapkan rakyat pada dua dilema yang tidak mungkin. Oleh karena itu, mengangkat ketua negara sepatutnya sama sekali tidak digalakan⁵⁰.

Faktor penyebab munculnya pandangan yang menyatakan bahawa perlantikan ketua negara adalah tidak penting, menurut Ibn Khaldun adalah kerana mereka sebenarnya telah kecewa kepada raja atau ketua negara di zaman mereka yang sering bertindak sewenang-wenang dan menyalahgunakan jawatan hanya untuk mengejar materi duniawi semata, tanpa menghiraukan aturan syari'ah. Kerana itu mereka melihat tidak perlu lagi mengangkat ketua negara, padahal yang sepatutnya perlu

⁵⁰ *ibid.*, h. 149-150

dilakukan oleh mereka ialah mengutuk penyelewengan-penyelewengan tersebut yang dilakukan ketua negara tertentu, bukan menolak secara melulu terhadap perlantikan ketua negara.

Muhammad Diyā al-Dīn al-Rayis telah merespon terhadap ketujuh-tujuh argumentasi penolakan terhadap pentingnya perlantikan ketua negara tersebut di atas, dengan menyatakan secara jujur bahawa sememangnya tidak dinafikan jika perlantikan terhadap ketua negara sesungguhnya akan mendatangkan ketujuh-tujuh perkara tersebut di atas, tetapi perlu juga untuk digaris bawahi, bahawa jika sama sekali tidak terdapat ketua negara dalam sesebuah negara tertentu, nescaya akan timbul mudarat yang lebih besar lagi, seperti akan berlakunya amalan anarkis, persengketaan, peperangan, atau bahkan pertumpahan darah, hilangnya hak-hak yang semestinya diperolehi oleh setiap individu, terkendalanya hukum-hakam agama, sukarnya mempertahankan agama Islam, terkendalanya urusan jihad, dan hilangnya kemerdekaan negera-negera Islam karena dijajah oleh musuh-musuh Islam dan lain sebagainya, ringkasnya, jika tidak terdapatnya ketua negara dalam sesebuah negara, maka ia akan berimplikasi terhadap hancurnya sebuah agama dan umat Islam secara keseluruhan⁵¹.

Jadi mudarat yang akan timbul disebabkan perlantikan ketua negara, sepertimana yang terdapat dalam ketujuh-tujuh argumentasi tersebut di atas adalah sangat ringan jika dibandingkan dengan mudarat yang akan timbul akibat tidak diangkatnya ketua negara. Apabila kita dihadapkan kepada dua mudarat, maka solusinya ialah menurut al-Rayis, kita mesti memilih mudarat yang impak negatifnya

⁵¹ *ibid*, h. 151

yang paling ringan. Sepertimana terdapat dalam kaidah: “*inna daf’a al-darār al-a’zam ‘inda al-ta’arrudh wajib*”⁵², sesungguhnya disaat terdapat *ta’arud* atau percanggahan di antara dua mudarat, maka wajib hukumnya menghilangkan mudharat yang impak negatifnya paling besar; atau dalam kaidah lain, “*irtikāb akhaf al-darārain wājib*”, mengambil mudarat yang impak negatifnya paling ringan adalah hukumnya wajib. Kerana mudarat yang timbul akibat tidak mengangkat ketua negara itu jauh lebih besar berbanding jika mengangkatnya, maka tindakan tepat yang mesti diambil, menurut al-Rayis, adalah rakyat mesti mengangkat ketua negara.

Setelah melihat betapa besarnya impak negatif yang akan timbul jika dalam suatu negara tidak terdapat seorang ketua negara, al-Syihristani menyatakan sebagai berikut: “(sepatutnya) jangan terlintas lagi di dalam hatinya sendiri atau pun di dalam hati orang lain bahawa suatu negara boleh dibiarkan kosong tanpa kewujudan seorang imam atau ketua negara”⁵³. Kerana sama ada di dalam al-Qur'an mahupun al-Sunnah terdapat isyarat yang jelas menunjukkan betapa pentingnya memilih seorang ketua Negara atau presiden, sepertimana istilah yang lazim biasa digunakan untuk merujuk kepada makna dan maksud pemimpin dalam al-Qur'an ialah “*Uli al-Amri*” seperti firman Allah:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اطِيعُوْا اللّٰهَ وَاَطِيعُوْا الرَّسُوْلَ وَاُوْلِي الْاَمْرِ مِنْكُمْ ط

Wahai orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan Rasul dan kepada Uli-Amri dari kalangan kamu.

Sūrah al-Nisā (4): 59

Mangikut pandangan beberapa *mufassir* dalam memahami makna “*Uli al-Amri*”, terdapat berbezaan pandangan di antara satu dengan yang lainnya, seperti

⁵² *ibid*

⁵³ *ibid.*, h. 129

pandangan yang dikemukakan oleh Ahmad Mushthafa al-Maraghi, bahawa yang dimaksud dengan “*Uli al-Amri*” adalah mereka yang terdiri daripada umara, hakim, ulama, panglima perang, dan semua pimpinan yang menjadi rujukan umat dalam perkara yang berhubungkait dengan keperluan dan kemaslahatan awam.⁵⁴ Sedangkan mengikut Muhammad Abduh bahawa yang dimaksud dengan istilah tersebut adalah mereka orang-orang yang tergolong *Ahl Halli wa al-'Aqd*, iaitu mereka yang mempunyai pengaruh di kalangan masyarakat, seperti panglima perang, ulama, para pemimpin negara, dan tokoh-tokoh bangsa, para pemimpin parti, pengerusi surat kabar Islamik, dan para pengasas kemerdekaan negara. al-Syaukāni pula menyatakan bahawa mereka adalah orang-orang yang terdiri daripada para hakim, dan setiap penguat kuasa yang patuh terhadap peraturan syariah, bukan kepada peraturan *thagut* (Iblis).⁵⁵ Berbeza dengan pandangan kaum Syi'ah yang menyatakan bahawa maksud “*Uli al-Amri*” mereka adalah terdiri daripada para imam yang *ma'sūm* (*infallible*).⁵⁶

Berdasarkan beberapa pandangan para *mufassir* tersebut di atas dapatlah difahami bahawa presiden atau ketua negara ialah termasuk dalam kategori “*Uli al-Amri*” yang wajib ditaati selepas Allah dan Rasul-Nya, sepertimana pendapat yang telah dikemukakan oleh Wahbah al-Zuhayli, bahawa dalam ayat tersebut terdapat satu isyarat yang mewajibkan kepada umat Islam untuk memilih “*Uli al-Amri*”. Jika pandangan mutakhir ini diterima, maka memilih presiden atau ketua negara yang juga merupakan bahagian daripada kategori “*Uli al-Amri*” adalah suatu kewajipan yang dituntut bagi umat Islam untuk menunaikannya. Jadi mengikut al-Zuhayli di

⁵⁴ Ahmad Muṣṭafā al-Marāghī (t.t.), *Tafsīr al-Marāghī*, j. 5., Miṣr: Sharīkah Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalābī wa Awlādūh, h. 72

⁵⁵ Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad al-Shaukāni (2007), *Fath al-Qadīr*, c. 4, Bairūt: Dār al-Ma'rīfah, h. 308

⁵⁶ Muḥammad ‘Abduh dan Rashīd Riḍā (t.t.), *Tafsīr al-Manār*, (t.t., t.th.), jilid 5, h. 181-187

penghujung hujjahnya beliau berkata: adalah satu perkara yang amat ganjil dan sangat menduka citakan, jika masih juga terdapat pandangan orang yang tidak bersetuju terhadap perlunya perlantikan bagi ketua negara dalam sesebuah negara yang berdaulat.⁵⁷

Sementara hujah mengenai perlunya melantik seorang ketua negara selain ayat tersebut di atas, juga ianya berdasarkan kepada hadith Rasulullah (s.a.w.) seperti berikut:

لَا يَجُزُّ لِثَلَاثَةٍ نَفَرٍ يَكُونُونَ بِأَرْضٍ فَلَاةٍ إِلَّا أَمَرُوا عَلَيْهِمْ أَحَدَهُمْ (رواه أحمد)

Tidak boleh tiga orang berada di suatu tempat di muka bumi ini, kecuali (jika) mereka memilih salah seorang di antaranya sebagai pemimpinnya.⁵⁸

2.5. Analisis Tentang Definisi, Asas dan Kedudukan Kepimpinan

Setelah penulis meneliti dan mencermati sejumlah definisi kepimpinan Islam yang telah dikemukakan oleh para ulama salaf dan khalaf tersebut di atas, dapat disimpulkan bahawa sesungguhnya hanya terdapat tiga kategori definisi sahaja yang patut digunakan untuk mengartikan kepimpinan, iaitu:

- a) *Pertama*, definisi kepimpinan yang lebih menekankan pada penzahiran agama (*al-maẓhar al-dīni*). Maksud *al-Khilāfah* dalam konteks ini ianya lebih difahami sebagai manifestasi ajaran Islam dalam pelaksanaan urusan agama, seperti definisi yang dikemukakan oleh al-‘Ījī. Walaupun beliau menyatakan bahawa *al-Khilāfah* ialah pengaturan tentang perkara-perkara dunia dan agama, tetapi pada akhir definisi beliau menyatakan bahawa: “*al-Khilāfah*

⁵⁷ Wahbah al-Zuhaili (1985), *op. cit.*, h. 662-668

⁵⁸ Imām Aḥmad bin Muhammad bin Ḥanbal (1995), *Musnad al-Imām Aḥmad Ibn Hanbal*, (disyarahkan oleh Aḥmad Muḥammad Shākir), c. 1, j. 6. Kaherah: Dār al-Ḥadīth, h. 205

lebih utama disebut sebagai pengganti Rasulullah (s.a.w.) dalam penegakan agama.”

- b) *Kedua*, definisi kepemimpinan yang lebih menekankan kepada penzahiran politik (*al-mazhar al-siāsi*). Maksud penzahiran dalam konteks ini, bahawa definisi *al-Khilāfah* lebih difahami sebagai manifestasi ajaran Islam berbentuk pelaksanaan urusan politik atau sistem pemerintahan, yang pada kebiasaannya oleh ulama diungkapkan dengan terminologi “hal ehwal dunia” (*umūr al-dunya*). Sepertimana definisi yang dikemukakan oleh al-Qalqashandi, beliau hanya menyinggung *al-Khilāfah* sebagai kekuasaan umum (*wilāyah ‘āmmah*) ke atas seluruh umat, tanpa mengkaitkannya dengan fungsi *al-Khilāfah* sebagai pentadbir dalam mengatur “hal ehwal agama”.
- c) *Ketiga*, definisi yang mencoba untuk menggabungkan antara penzahiran agama dan politik sekaligus (*al-mazhar al-dīniyy wa al-siāsiyy*). Seperti definisi *al-Khilāfah* yang dikemukakan oleh Imām al-Māwardi yang menyebutkan bahawa ia sebagai pengganti kenabian dalam penjagaan agama dan pengaturan urusan dunia.

Ketiga-tiga kategori tersebut di atas, didapati bahawa secara am definisi tersebut lebih kepada bentuk deskripsi realiti *al-Khilāfah* dalam amalan kehidupan bernegara, seperti wujudnya dikotomi wilayah “hal ehwal dunia” dan “hal ehwal agama”, berbanding sebuah definisi yang bersifat syar’i yang bersandarkan kepada nas-nas *qaṭ’i*. Selain itu, definisi-definisi tersebut juga kurang komprehensif, sebab definisi *al-Khilāfah* sepatutnya menggunakan konteks ayat yang tepat yang dapat meliputi hakikat *al-Khilāfah* itu sendiri dan keseluruhan fungsi *al-Khilāfah*, bukan dengan bentuk ayat yang lebih bersifat deskriptif dengan memberikan contoh-contoh,

sehingga membawa kepada peyempitan definisi tersebut. Misalnya ungkapan bahawa *al-Khilāfah* ialah bertugas menghidupkan ilmu-ilmu agama, menegakkan *arkān al-Islām*, melaksanakan jihad, melaksanakan kehakiman, menegakkan hudud dan sebagainya, sehingga definisi tersebut akan menjadi terlalu rinci, dan menyukarkan kita menangkap hakikat *al-Khilāfah*. Demikian juga tidak sepatutnya membuat definisi kepimpinan yang bersifat terlalu umum, sebab akan membawa kepada ruang lingkup yang sangat luas. Seperti ungkapan bahawa *Khilāfah* ialah umumnya mengatur kemaslahatan-kemaslahatan kaum muslimin, atau *Khilāfah* ialah mengatur kemaslahatan-kemaslahatan duniawiyah dan ukhrawiyah.

Menurut Zallum, untuk menetapkan sebuah definisi yang tepat, kita sepatutnya terlebih dahulu memahami bentuk definisi syar'i dan definisi bukan syar'i⁵⁹. Definisi syar'i merupakan definisi yang digunakan dalam nas-nas al-Qur'an dan al-Sunnah, seperti definisi solat dan zakat. Sedangkan definisi bukan syar'i merupakan definisi yang tidak digunakan dalam nas-nas al-Qur'an dan al-Sunnah, tetapi digunakan dalam bidang-bidang ilmu tertentu atau dikalangan cendikiawan tertentu, seperti definisi *al-ismu*, *al-fi'lu*, dan *al-harf* dalam ilmu nahwu dan ṣaraf. Contoh lain seperti definisi akal, masyarakat, kebangkitan, ideologi, *qānūn*, *haḍārah*, dan sebagainya. Jika definisi bukan syar'i, maka rumusan asanya bermula daripada realiti (*al-wāqi'*), bukan dari nas-nas syar'i, sama ada realiti tersebut berbentuk empirikal yang diperolehi melalui alat deria, mahupun realiti berbentuk kosep-konsep yang faktanya dapat dijangkau oleh pemikiran kita.

⁵⁹ Abd al-Qadim Zallum (1985), *Hizb al-Tahrir*, (t.pt.): (t.tp), h. 51

Berbeza dengan definisi syar'i, kerana rumusan definisi tersebut wajib bersandarkan kepada nas-nas syara' iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah, bukan berdasarkan realiti. Sepertimana menurut pandangan Shaykh Taqiyuddin al-Nabhani, bahawa definisi syar'i sesungguhnya adalah hukum syara', yang wajib diistimbāt dari nas-nas syar'i⁶⁰. Oleh yang demikian, rumusan definisi syar'i seperti definisi sholat, zakat, haji, jihad, dan sebagainya wajib merujuk kepada nas-nas syar'i yang berhubungkait dengannya. Persoalannya sekarang, adakah definisi *Khilāfah* atau *Imāmah* merupakan definisi syar'i? Jawapan tersebut boleh kita buktikan dengan merujuk kepada beberapa nas-nas syar'i, khususnya hadith-hadith Rasulullah (s.a.w.) yang telah menggunakan lafaz-lafaz *Khilāfah* dan *Imāmah*. Hadith-hadith tersebut seperti sabda Rasulullah (s.a.w.):

عَنْ أَبِي نَضْرَةَ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ إِذَا بُوِيعَ لِخَلِيفَتَيْنِ فَأَقْتُلُوا
الْآخَرَ مِنْهُمَا (رواه مسلم)

Daripada Abi Nadrah, dari Sa'id al-Khudriyy berkata: Rasulullah (s.a.w.) bersabda: Jika dilantik dua orang khalifah, maka bunuhlah yang terakhir dari keduanya.⁶¹

Selain hadith tersebut di atas, terdapat banyak lagi hadith-hadith tentang *khālifah* yang telah himpulkan oleh Imam Muslim dalam kitab Sahihnya yang beliau namakan kitab *al-Imārah*, demikian juga dengan Imam Al-Bukhāri dalam kitab sahihnya yang beliau himpun dalam kitab *al-Ahkām*. Berdasarkan fakta tersebut, jelas menunjukkan bahawa untuk mendefinisikan *al-Khilāfah*, kita wajib memperhatikan naş-naş yang berhubungkait dengannya. Melalui kajian terhadap naş-naş hadith tersebut dan juga naş-naş al-Qur'an, ditemukan bahwa definisi *al-Khilāfah* dapat dicari rujukannya ke

⁶⁰ Taqiyuddīn Al-Nabhāni (2005), *al-Shakhshiyah al-Islāmiyah*, j. 3, Bairūt: Dār al-Ummah, h. 438-442; *al-Ma'lumāt li al-Shabāb*, h. 1-3

⁶¹ Abu al-Husayn Muslim bin al-Hujjāj bin Muslim al-Qushayri al-Naysābūrīy (2006), *Ṣaḥīḥ Muslim*, "Kitāb al-Imārah, Bāb Izā Būyi'a li Khalīfataini", no hadith 1853, c. 1, j.2. Kaherah: Dār al-Ṭayyibah. h. 899

dalam dua katagori nas, iaitu: Kategori pertama, naş-naş yang menerangkan hakikat *al-Khilāfah* sebagai sebuah kepimpinan umum bagi seluruh kaum muslimin di dunia. Kategori kedua, naş-naş yang menerangkan tugas-tugas *al-Khilāfah*, iaitu : (1) tugas memberlakukan seluruh hukum-ahkam syariah Islam, (2) tugas mengembangkan dakwah Islam ke seluruh bangsa dan umat dengan jalan jihad *fī sabīlillah*. Adapun contoh nas yang termasuk dalam kategori pertama seperti sabda baginda Rasulullah (s.a.w.) sebagai berikut:

فَالْأَمِيرُ الَّذِي عَلَى النَّاسِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Maka Imam yang (memimpin) ke atas manusia adalah (umpama) seorang penggembala, dan dialah yang bertanggung jawab terhadap gembalaannya (rakyatnya).⁶²

Hadith tersebut menunjukkan bahawa *Khilāfah* ialah sebuah kepimpinan atau dalam istilah fiqh al-siāsah dikenali sebagai *riāsah*, *qiādah* ataupun *imārah*. Adapun nas hadith yang menunjukkan bahawa *Khilāfah* ialah bersifat umum untuk seluruh kaum muslimin di dunia, seperti hadith Nabi yang telah disebutkan di atas tentang pengharaman wujudnya perlantikan *khalīfah* lebih daripada satu orang. Hadith larangan tersebut menunjukan bahawa seluruh kaum muslimin di dunia hanya boleh dipimpin oleh seorang khalifah sahaja. Hadith tersebut juga telah dijadikan dasar hujjah oleh empat mazhab yang paling muktabar iaitu Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam al-Shafi'i, dan Imam Ahmad rahimahumullah, dan mereka bersetuju

⁶² Imām Muslim (2006), *ibid.*, Kitāb al-Imārah, Bāb Faḍīlah al-Imām al-ʿĀdil, no hadith 1829, j.2. h.886-887; Abū Dāud Sulaimān bin al-ʿAsh'ath al-Sajastāni (1999), *Sunan Abū Dawud*, Kitāb al-Kharāj wa al-Imārah wa al-Fai'i, no. 2928,. Riyādh: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah, h.332; Abī 'Isā bin Muḥammad bin 'Isā (1996), *al-Jāmi' al-Kabīr li al-Tirmīzī*, Bāb Ma Jā'a fī al-Imām, no. 1705, c. 1, j.3. Bairūt: Dār al-Gharb al-Islāmi, h.322

terhadap perlantikan khalifah yang hanya dibenarkan kepada seorang sahaja bagi satu-satu masa⁶³.

Kategori naş bahagian kedua, adalah naş-naş yang menjelaskan tentang tugas-tugas khalifah, iaitu antara lain sebagai orang yang akan menerapkan seluruh hukum syariah terhadap seluruh rakyat. Perkara tersebut dapat dijumpai dalam berbagai naş yang menjelaskan tugas khalifah untuk mengatur muamalat dan perkara yang berhubungkait dengan harta benda di antara sesama individu muslim, seperti firman Allah (s.w.t.) dalam surah al-Baqarah (2): 188, surah al-Nisā (4): 58, dan surah al-Tawbah (9): 103 tentang perkara pengumpulan dan pembahagian zakat dalam, surah al-Baqarah (2): 179 tentang aplikasi undang-undang hudud, surah al-Isra (17): 32 tentang menjaga akhlaq, dan surah al-Hajj (22): 32 tentang menjamin masyarakat dapat menegakkan syiar-syiar Islam dan menjalankan berbagai ibadah dan lain sebagainya.

Tugas *khālifah* yang lainnya adalah seperti mengembangkan dakwah Islamiyah ke seluruh dunia melalui jihad *fi sabilillah*, sepertimana yang telah dibuktikan oleh beberapa naş al-Qur'an yang menjelaskan tugas khalifah, seperti mempersiapkan pasukan perang untuk berjihad terdapat dalam surah al-Baqarah (2): 216, menjaga kedaulatan batas Negara terdapat dalam surah al-Anfāl (8): 60, mengokohkan hubungan antarabangsa mengikut asas yang dituntut oleh politik luar negeri, misalnya mengadakan berbagai perjanjian perdagangan, perjanjian gencatan

⁶³ Abd al-Rahmān al-Jazīri (2003), *al-Fiqh 'alā al-Madhāhib al-Arba'ah*, c.2, j. 5. Bairūt: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah. h. 366; Muḥammad bin Abd al-Raḥmān al-Dimashqi (t.th.), *Raḥmah al-Ummah fi Ikhtilāf al-A'immah*, Miṣr: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah. h. 208

senjata, perjanjian bilateral dan sebagainya, perkara tersebut terdapat di dalam surah al-Anfāl (8): 61 dan surah Muhammad (47): 35.

Berdasarkan dua kelompok naṣ tersebut di atas, dapat dirumuskan satu definisi yang lebih mendalam dan lebih tepat. Bahawa sesungguhnya definisi *Khilāfah* ialah kepemimpinan umum bagi seluruh kaum Muslimin di dunia, untuk menegakkan hukum-hukum syariah Islam dan membawa misi dakwah Islamiyah ke seluruh dunia. Definisi tersebut juga telah dirumuskan oleh Shaykh Taqiyu al-dīn al-Nabhāni dalam kitab-kitabnya, seperti kitab *al-Khilāfah*, kitab *Muqaddimah al-Dustūr*, dan kitab *al-Shakṣiyyah al-Islāmiyah*⁶⁴.

الخِلاَفَةُ هِيَ رِئَاسَةٌ عَامَةٌ لِلْمُسْلِمِينَ جَمِيعاً فِي الدُّنْيَا لِإِقَامَةِ أَحْكَامِ الشَّرْعِ الْإِسْلَامِيِّ،
وَحَمْلِ الدَّعْوَةِ الْإِسْلَامِيَّةِ إِلَى الْعَالَمِ.

Menurut beliau lagi, bahawa istilah *Khilāfah* dan *Imāmah* dalam hadith-hadith ṣahīh membawa kepada definisi syar'i (*al-madlūl al-shar'i*), yang mempunyai maksud sama sahaja. Definisi tersebut merupakan definisi yang beliau tawarkan kepada seluruh kaum muslimin di dunia, agar mereka menggunakannya dan kemudian memperjuangkannya agar menjadi realiti di muka bumi ini, untuk ianya dapat menggantikan sistem kehidupan sekular yang sedia ada ketika ini.

Adapun tugas asas kepemimpinan dalam Islam berdasarkan definisi yang telah dikemukakan oleh kebanyakan ulama mempunyai dua komponen asas, *pertama* iaitu menjaga agama, kerana seorang pemimpin memiliki tugas dan tanggungjawab untuk menegakkan syariat Allah, agar dapat dilaksanakan oleh segenap kaum muslimin.

⁶⁴ Taqiyu al-dīn al-Nabhāni (2005), *Ajizah Dawlah al-Khilāfah*, c. 1, Bairūt: Dār al-Ummah, h. 20; Hizbu al-Tahrir (2006), *Muqaddimah al-Dustūr “Khalīfah- māddah 24”* Bairūt: Dār al-Ummah. h. 124; *al-Shakṣiyyah al-Islāmiyah*, op.cit, j. 2. h. 9

Seorang pemimpin juga tidak boleh menyerahkan urusan agama kepada individu mereka masing-masing, kerana secara moral ia bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pelaksanaan dan amalan ajaran Islam yang sebenar. Contoh perkara tersebut pernah berlaku ketika Rasulullah (s.a.w.) bersabda dihadapan para sahabat:

عن أبي هريرة - رضي الله عنه - عن النبي ﷺ أنه قال: لَقَدْ هَمَمْتُ أَنْ أَمُرَّ بِالصَّلَاةِ فَتُقَامَ ثُمَّ أَمُرَّ رَجُلًا يُصَلِّيَ بِالنَّاسِ ثُمَّ أَنْطَلِقَ مَعِيَ بِرِجَالٍ مَعَهُمْ حُزْمٌ مِنْ حَطَبٍ إِلَى قَوْمٍ لَا يَشْهَدُونَ الصَّلَاةَ فَأُحَرِّقَ عَلَيْهِمْ بُيُوتَهُمْ بِالنَّارِ.

Sungguh, aku ingin memerintahkan (orang-orang) untuk melaksanakan shalat sehingga shalat itu didirikan, kemudian aku memerintahkan seseorang untuk mengimami mereka, kemudian aku berangkat bersama beberapa orang yang membawa ikatan kayu bakar (yang menyala) menuju kepada orang-orang yang tidak mengikuti shalat (berjama'ah), lalu aku membakar rumah mereka dengan api itu.⁶⁵

Kejadian yang serupa juga pernah berlaku ketika 'Umar ibn al-Khaṭṭāb bertanya kepada Khalīfah Abū Bakr al-Ṣiddīq (r.a.) terhadap pelan tindakan yang akan dilakukan terhadap mereka kaum yang murtad dan golongan kaum Muslimin yang ingkar terhadap kewajipan berzakat, ini kerana Rasulullah (s.a.w.) telah bersabda:

أَمَرْتُ أَنْ أُقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَقُولُوا لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ فَمَنْ قَالَهَا فَقَدْ عَصَمَ مِنِّي مَالَهُ وَنَفْسَهُ إِلَّا بِحَقِّهِ وَحِسَابُهُ عَلَى اللَّهِ. فقال أبو بكر: وَاللَّهِ لَأُقَاتِلَنَّ مَنْ فَرَّقَ بَيْنَ الصَّلَاةِ وَالزَّكَاةِ فَإِنَّ الزَّكَاةَ حَقُّ الْمَالِ وَاللَّهِ لَوْ مَنَعُونِي عَنَّا كَانُوا يُؤَدُّونَهَا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَقَاتَلْتُهُمْ عَلَى مَنَعِهَا.

Saya telah diperintahkan untuk memerangi manusia sehingga mereka berkata “lā ilāha illā Allah”, maka barang siapa yang berkata “lā ilāha illā Allah”, maka sesungguhnya harta dan jiwanya telah dilindungi di bawah naungan saya, melainkan dengan haknya, dan penghisabannya adalah ke atas Allah. Kemudian Abū Bakr menjawab: Demi Allah, sungguh pasti saya akan memerangi sesiapa sahaja yang memisahkan antara salat dan zakat, kerana sesungguhnya zakat adalah hak harta. Demi Allah, jika mereka menegah saya daripada seekor anak kambing betina yang mereka telah berikannya kepada Rasulullah, nescaya saya akan memerangi mereka disebabkan tegahannya tersebut.⁶⁶

⁶⁵ Sunan Abī Dāwud (1999), *op.cit.*, Bāb fī al-Tashdīd fī Tarki al-Jamā'ah, no hadith 548, h. 83

⁶⁶ Ṣaḥīḥ Bukhārī (2002), *op.cit.*, no hadith 6924, h. 1713

Contoh tersebut memberikan gambaran bahawa seorang pemimpin atau ketua negara tidak hanya setakat mengajak kaum muslimin menjalankan perintah agama, tetapi sekaligus juga menegakkannya. Menegakkan agama bererti memberikan fasiliti, mendorong, mengawal dan memberikan panduan agar perintah agama dapat dilaksanakan oleh rakyatnya dengan sebaik-baiknya.

Adapun asas yang *kedua* ialah mengatur urusan dunia, tugas mengatur urusan dunia merupakan tanggungjawab untuk memaksimumkan sumber-sumber daya alam yang dimiliki oleh negara, sama ada dalam bentuk alam semulajadi, manusia, dana harta mahupun teknologi untuk sebesar-besarnya menciptakan keadilan, keamanan, kedamaian, kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat luas. Pemimpin juga bertanggungjawab untuk memberikan perlindungan bagi orang-orang yang lemah agar mereka tetap dapat menikmati kehidupan sebagai seorang manusia secara wajar. Pemimpin tidak boleh membiarkan yang kuat memonopoli aset-aset Negara, sementara orang yang lemah tertindas. Pemimpin juga tidak boleh berkhianat, dengan mengeksploitasi sumber-sumber kekayaan hanya untuk kepentingan pribadi, keluarga mahupun golongannya. Kedua-dua tugas tersebut merupakan tugas yang tidak ringan, oleh kerana itu bagi orang yang mengerti dan menyadari akan tanggungjawab kedua-dua tugas tersebut, nescaya ia tidak akan sanggup memikulnya, kecuali bagi pemimpin yang memiliki rasa tanggungjawab besar untuk menyelamatkan bangsa dan Negara daripada kerugian yang amat besar; iaitu kerugian dunia dan kerugian akhirat.

Walau demikian, berdasarkan kedua-dua sumber hujah tersebut di atas, dapatlah disimpulkan bahawa sepatutnya jawatan presiden atau ketua negara dalam

sesebuah negara tertentu tidak boleh dibiarkan kosong begitu sahaja, meskipun ianya hanya untuk satu hari. Sebab jika dibiarkan kosong, nescaya ia akan mendatangkan bahaya yang besar (*fitnah al-'aẓimah*)⁶⁷. Kesedaran mengenai betapa perlunya kewujudan seorang pemimpin secara berterusan, asas inilah mungkin yang menyebabkan mengapa beberapa orang sahabat senior daripada kalangan Anshar seperti Bashir ibn Sa'ad dan Asid ibn Khudayr, sementara dari kalangan Muhajirin pula seperti Umar ibn al-Khattab dan Abu Bakar al-Siddiq mereka pernah berkumpul di Tsaqifah Bani Sa'idah pada hari kedua setelah kemangkatan Nabi Muhammad s.a.w. untuk membincangkan pergantian kepimpinan beliau⁶⁸. Mereka dalam menghadapi situasi sedemikian nampaknya lebih mendahulukan perlantikan *khalifah* berbanding mengurus upacara pemakaman beliau. Kesimpulan daripada kejadian tersebut boleh dijadikan sebagai asas panduan hukum bagi wajibnya anggota masyarakat dalam sesebuah negara melantik salah seorang untuk menjadi pemimpin atau ketua negara yang akan mengendalikan semua hal ehwal kenegaraan berdasarkan perlembagaan.

⁶⁷ Muṣṭafa Hilmi (1988), *Niẓām al-Kḥilāfah bain Ahl al-Sunnah wa al-Syīrah*. Iskandariyyah: Dār al-Da'wah, h. 34

⁶⁸ al-Rayis (1979), *op.cit.*, h. 132; Munawir Sjadzali (1990), *op. cit.*, h. 21